SAMPEL PERCUMA

Skema STPM Semester 3 Sejarah Pahang 2024 (Modul Pentaksiran PdPc)

Set penuh: Kertas Percubaan STPM

Semester 3 · 10 subjek (2024)

Sampel ini: 4 muka surat. Set penuh ada:

- 2 fail PDF
- Semester 1: kertas percubaan (trial) negeri, subjek yang dipilih + skema
- Blueprint 30 hari Semester 1 (setiap subjek)
- Semester 3: percubaan 2024, 10 subjek, banyak negeri, soalan + skema dalam satu fail

RM24.90

BELI SET PENUH RM24.90 >

nightmew.com/p/stpm · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar

Sampel bermula di muka surat sebelah

tinggal di kawasan pedalaman menjalankan aktiviti pertanian dan menternak binatang. Manakala masyarakat Melayu yang tinggal berhampiran dengan hutan menjalankan aktiviti memunggut hasil hutan dan berburu. Kegiatan perikanan akan dilakukan oleh masyarakat yang tinggal di tepi laut, tasik dan pinggir sungai. Kegiatan perlombongan juga turut dilakukan oleh masyarakat yang tinggal di pinggir sungai. Jelaslah bahawa ciri penempatan mempengaruhi aktiviti ekonomi masyarakat tradisional sebelum campur tangan British.

3. Tiada Pengkhususan dalam Pekerjaan.

Ciri ekonomi yang seterusnya ialah tiada pengkhususan dalam pekerjaan. Kegiatan utama masyarakat Melayu tradisional meliputi pertanian, penternakan, mencari bijih timah dan menangkap ikan. Oleh kerana penggunaan tenaga buruh yang terhad, maka aktiviti ekonomi berlaku dalam kelompok keluarga sahaja dan **semua kerja dilakukan serentak**. Perbezaan kegiatan dipengaruhi juga oleh faktor jantina dan umur. Kaum lelaki lazimnya akan melakukan kerja-kerja berat manakala kaum perempuan dan kanak-kanak akan diberikan kerja-kerja yang lebih ringan. Jelaslah bahawa tiada pengkhususan dalam pekerjaan, aktiviti ekonomi masyarakat tradisional dijalankan melibatkan ahli keluarga dan saling bergantung antara satu sama lain.

4. Lebihan Hasil Yang Sedikit

Ciri ekonomi masyarakat Melayu tradisional seterusnya ialah lebihan hasil yang sedikit. Kelemahan dalam penggunaan teknologi yang mudah menyebabkan pengeluarannya sedikit seperti penggunaan cangkul dalam pertanian. Misalnya, hasil pertanian sangat bergantung kepada keluasan tanah yang diusahakan, jumlah keperluan keluarga dan tenaga kerja dalam kalangan keluarga. Jika terdapat lebihan pun biasanya akan digunakan semula sebagai hadiah, bayaran zakat, cukai dan kenduri-kendara. Ada kalanya disimpan untuk tempoh tertentu seperti padi bertujuan untuk kelangsungan bekalan makanan. Penduduk juga terlibat dalam Sistem Kerah dan sebahagian hasil perlu diserahkan kepada pemerintah sebagai cukai. Hal ini membuktikan walaupun hasil yang diperolehi hanya cukup untuk keperluan keluarga, tetapi tanggungjawab terhadap pemerintah tetap dilaksanakan. Jelaslah bahawa lebihan hasil sedikit merupakan ciri ekonomi masyarakat Melayu tradisional sebelum campur tangan British.

5. Kerja dilakukan secara Gotong Royong (Tenaga Ahli Keluarga)

Amalan gotong royong atau berderau merupakan ciri asas dalam kalangan masyarakat Melayu tradisional. Hal ini berhubung kait dengan nilai-nilai sosial yang wujud dalam masyarakat Melayu. Setiap anggota masyarakat mempunyai tanggungjawab sosial dengan melakukan tugas secara bersama bertujuan mempercepatkan proses dan mengoptimumkan hasil seperti penanaman padi atau musim menuai. Hal ini juga membuktikan keakraban hubungan dan elemen perpaduan dalam anggota masyarakat.

Kesimpulan

Kesimpulannya, sebelum campurtangan British telah wujud pelbagai kegiatan ekonomi dalam kalangan masyarakat Melayu. Walaupun hasilnya tidak banyak, namun kegiatan ekonomi ini mampu memberikan kelangsungan kehidupan kepada masyarakat di Tanah Melayu**.** Selepas campur tangan British, barulah kegiatan ekonomi masyarakat Melayu mengalami perubahan dan menuju ke arah kegiatan ekonomi komersial.

2. Sistem Pentadbiran Negeri

Seterusnya perubahan politik turut berlaku dalam sistem pentadbiran negeri. Setiap negeri dibahagikan kepada beberpa daerah. Setiap **pentadbiran peringkat daerah** dijaga oleh Pegawai Daerah British (awalnya dikenali sebagai Pemungut Cukai dan Majistret). Tugas Pegawai Daerah ialah menjaga perbendaharaan daerah dan memungut cukai. British melalui Sistem Residen telah menubuhkan beberapa jabatan seperti cawangan Jabatan Kerja Raya, Jabatan Polis dan Jabatan Kesihatan Perubatan di bawah pengelolaan pegawai British. Mahkamah Majistret juga diwujudkan dan diketuai oleh Pegawai Daerah bagi mengadili semua masalah berdasarkan undang-undang Barat.

Di bawah Sistem Residen juga, setiap daerah dibahagikan kepada beberapa unit pentadbiran yang lebih kecil dikenali sebagai **mukim** yang diketuai oleh seorang **Ketua Mukim/Penghulu** (pembesar dari kalangan anak raja). Tugas Penghulu ialah memungut hasil tanah, mentadbir undang-undang tempatan, menjaga keamanan dan keselamatan, mengadakan hubungan yang erat dengan rakyat, menyampai dasar dan usaha kerajaan kepada rakyat, menyampaikan maklum balas rakyat serta menyimpan kira-kira dan membuat laporan bertulis.

Manakala pentadbiran peringkat yang paling bawah ialah **kampung**. Ketua peringkat ini dikenali sebagai **Ketua Kampung**. Ketua Kampung biasa terdiri daripada orang tua yang dihormati oleh penduduk. Ketua kampung akan berkerjasama dengan Penghulu di Mukim dan mendapat pengiktirafan daripada Sultan masing-masing. Selain itu terdapat 2 lagi institusi tradisional yang diamalkan oleh British iaitu Kapitan Cina bagi menjaga kepentingan orang Cina dan Penghulu Dagang dilantik bagi memelihara kepentingan masyarakat di Kepulauan Melayu. Jelas menunjukkan Sultan dan pembesar telah kehilangan kuasa dalam pemerintahan, sebaliknya Residen yang berkuasa menjalankan pentadbiran di peringkat negeri dan Pegawai Daerah di peringkat daerah. Sistem pentadbiran di Negeri-negeri Melayu yang bercorak tradisional dan tersusun sebelum ini telah digantikan dengan sistem birokrasi Barat.

3. Sistem Pentadbiran Tanah

Sistem Residen juga telah membolehkan British meneruskan usaha mengeksploitasi kekayaan ekonomi di Tanah Melayu. British telah mengambil langkah untuk **menyusun semula sistem pentadbiran tanah.** Antaranya memperkenalkan undang-undang dengan menjadikan tanah sebagai hak milik persendirian. Sistem Undang-undang Tanah ini mengikut konsep sistem barat. Contohnya Peraturan tanah Perak 1879, Kanun Tanah Selangor 1891 dan peraturan Tanah Sungai Ujong 1887. Akibat pengenalan sistem ini, tanah menjadi satu daripada

sumber pendapatan kerajaan. Pengenalan sistem pentadbiran tanah ini telah menimbulkan bantahan dan membangkitkan penentangan para pembesar Melayu terhadap pentadbiran British. Hal ini kerana sebelum kedatangan British tanah merupakan hak milik sultan dan para pembesar melayu.

4. Penubuhan Majlis Mesyuarat Negeri

Seterusnya British juga melalui Sistem Residen telah menubuhkan **Majlis Mesyuarat Negeri** di bawah Perlembagaan Sistem Residen. Contohnya pada tahun 1887 Sir Hugh Low telah membentuk Majlis Mesyuarat Negeri di Perak dan di Selangor pada tahun 1878. Majlis Mesyuarat Negeri dianggotai oleh sultan sebagai ketua, Residen British, 12 orang pembesar Melayu, dan seorang wakil masyarakat Cina. Mesyuarat ini dikendalikan dalam Bahasa Melayu dan semua usul dan cadangan dibahas sebelum dijadikan undang-undang. Majlis Mesyuarat Negeri ini bagi menggantikan Majlis Sultan. Majlis ini berperanan membincangkan semua perkara berkaitan dengan pentadbiran, ekonomi dan sosial sesebuah negeri. Fungsi majlis ini ialah sebagai badan penasihat sultan, merangka perlembagaan negeri, menggubal dan meluluskan undang-undang, menyusun pungutan cukai, mengurus dan menetapkan gaji pegawai-pegawai Melayu dan Mahkamah Rayuan Tertinggi serta meluluskan hukuman bunuh. Majlis Mesyuarat Negeri ini akhirnya telah menyebabkan rasa tidak puas hati dalam kalangan Sultan apabila Residen menjadi lebih berkuasa dalam semua perkara terutamanya pentadbiran negeri. Sultan hanya berkuasa dalam hal ehwal agama dan adat istiadat sahaja dan tidak lagi berkuasa dalam pentadbiran.

5. Negeri-negeri Melayu Bersekutu (NNMB) 1896

Pelaksanaan Sistem Residen juga telah membawa kepada tertubuhnya NNMB 1896. Menurut Perjanjian Persekutuan 1895, 4 buah negeri Melayu iaitu Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang telah disatukan menjadi NNMB dengan pusat pentadbiran di Kuala Lumpur. Kewujudan Persekutuan telah mengukuhkan lagi kedudukan pentadbiran British di NNM apabila kuasa raja masih tidak dapat dikukuhkan. NNMB telah ditadbir oleh Residen Jeneral yang bertanggungjawab kepada Pesuruhjaya Tinggi atau Gabenor NNS. Sultan mesti menurut nasihatnya dalam semua hal pentadbiran kecuali yang berkaitan dengan agama Islam dan berkuasa di negeri masing-masing dan bersetuju memberi bantuan kepada negeri-negeri yang memerlukan mengikut nasihat Residen Jeneral. Residen Jeneral beribu pejabat di Kuala Lumpur. Jawatan Residen masih dikekalkan tetapi mereka tidak boleh bertindak sesuka hati dan mesti melaksanakan arahan Residen Jeneral.

TAMAT SAMPEL

Suka sampel ini?

Set penuh: Kertas Percubaan STPM

Semester 3 · 10 subjek (2024)

Sampel ini: 4 muka surat. Set penuh ada:

- 2 fail PDF
- Semester 1: kertas percubaan (trial) negeri, subjek yang dipilih + skema
- Blueprint 30 hari Semester 1 (setiap subjek)
- Semester 3: percubaan 2024, 10 subjek, banyak negeri, soalan + skema dalam satu fail

RM24.90

BELI SET PENUH RM24.90 >

nightmew.com/p/stpm · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar